

# OKU Berdoa lakar sejarah

» Lebih 500 OKU sertai program keagamaan

Oleh Nor Afzan  
Mohamad Yusof  
afzan@bh.com.my

Lebih 500 orang kurang upaya (OKU) daripada 20 persatuan OKU berhimpun menyertai pelbagai program ber-corak keagamaan di Masjid Negara, baru-baru ini.

Program OKU Berdoa yang dianjurkan dengan kerjasama Gabungan Mahasiswa Pengajian Islam, diketuai Kelab Sukarelawan Dakwah OKU, Kelab Sahabat FAQEH@Universiti Sains Islam Malaysia (SaF@USIM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Masjid Negara dan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (FAQEH) itu dibuat sejar dengan sambutan Hari OKU Sedunia.

Acara berbentuk keagamaan yang julung kali diadakan itu menyaksikan kon-



**Program OKU Berdoa** mendapat kerjasama daripada JAKIM, Masjid Negara dan Yayasan FAQEH.

longan istimewa ini diraikan dengan cara mereka meluahkan rasa syukur dalam kemampuan mereka antaranya berdoa, mengaji dan bernasyid dengan bahasa isyarat serta aksi.

Antara aktiviti yang mengagumkan dan menyentuh hati ialah kumpulan OKU sindrom down yang berkemampuan menghafal

'doa Duha' walaupun dalam keadaan sangat terhad serta bacaan doa dalam bentuk bahasa isyarat oleh OKU pendengaran.

### Tuntutan syariat

Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha, berkata program berkenaan membuktikan Islam agama fitrah, iaitu naluri beragama

sudah wujud secara semula jadi dalam diri setiap insan.

"Keupayaan menerima dan melaksana segala tuntutan agama pula ialah rahmat yang perlu kita usahakan supaya ruang dan peluang mengamalkan tuntutan syariat ini diberikan tanpa mengira keterbatasan serta ke-lainan upaya mereka.

"Perkara ini selaras de-

ngan tema sambutan Hari OKU 2015 peringkat Kebangsaan, iaitu Kepentingan Inklusif: Akses dan Pemerksaan OKU," katanya, baru-baru ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Dakwah (Seksyen Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan), Che Husain Isa yang merasmikan program OKU Berdoa.

Yang turut hadir ialah Timbalan Imam Besar Masjid Negara, Yusoff Ahmad; Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Dr Yusri Mohamad; Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Prof Datuk Dr Ab Halim Tamuri dan Timbalan Dekan (Pembangunan Pe-lajar dan Pengurusan Pres

tasi) Dr Robiatul Adawiyah Mohd.

### Tanggungjawab fardu kifayah

Sebahagian daripada NGO terbabit ialah Persatuan Autisme Muslim Malaysia (PAMM), Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi (PKIB) dan Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA).

Pengajuran program ini diharapkan memberi manfaat kepada seluruh masyarakat termasuk golongan istimewa mengenai tanggungjawab fardu kifayah dengan pendidikan al-Quran dan ibadah serta menjadikan konsep berdoa sebagai budaya mereka sekeluarga bagi memupuk pergantungan secara menyeluruh kepada Allah.

